

PANDUAN PELANTIKAN DAN TANGGONGJAWAB PENYELIA

Syarat

- i. Penyelia utama mestilah Staf Akademik Siswazah dan staf sepenuh masa UTM.
- ii. Untuk calon doktoral, penyelia mestilah sekurang-kurang mempunyai ijazah doktoral.
- iii. Pensyarah UTM yang bukan Staf Akademik Siswazah hanya boleh menjadi penyelia bersama.
- iv. Pensyarah yang sedang berdaftar sebagai pelajar di mana-mana IPT sama ada sepenuh masa atau separuh masa tidak dibenarkan menjadi penyelia.
- v. Jika penyelia bersara daripada perkhidmatan atau berpindah dari UTM, penyelia yang baru perlu dilantik.
- vi. Penyelia dilantik berasaskan kewibawaan, kepakaran dan profesionalisme yang tinggi.
- vii. Penyelia tidak boleh mempunyai pertalian persaudaraan yang rapat dengan pelajar.

Perlantikan

- i. Penyelia dilantik oleh SPS berdasarkan cadangan fakulti.
- ii. Penyelia bersama dari luar UTM dilantik oleh SPS bagi pihak Universiti tetapi tanpa tanggungan kewangan oleh SPS.

Tanggungjawab

Am

- i. Penyelia hendaklah memastikan pelajar membuat perancangan penuh tentang kerja penyelidikan yang hendak dilaksanakan dan memberi nasihat samada akademik atau peribadi yang diperlukan.

Semasa penyelidikan

- i. Memberi bimbingan tentang bentuk dan mutu penyelidikan yang dijangkakan. Ini merangkumi perancangan penyelidikan, literatur dan sumber, kehadiran dalam kelas bimbingan dan teknik yang diperlukan, termasuk mengatur kuliah jika perlu.
- ii. Membantu pelaksanaan kerja lapangan/kaji selidik yang perlu dilakukan di luar Universiti.
- iii. Memastikan pelajar mengikuti perkembangan bidang yang diselidiki.
- iv. Memberi nasihat tentang tarikh setiap peringkat kerja yang berurutan supaya hasil kerja keseluruhan dapat dihantar pada masa yang dijadualkan.
- v. Menyemak kertas kerja penyelidikan yang dihasilkan dan memulangkannya dengan ulasan yang membina dalam jangka masa yang munasabah.
- vi. Menggalakkan pelajar membentangkan hasil kerjanya dalam seminar dan penerbitan dalam jurnal.
- vii. Membuat penilaian dan menghantar laporan kemajuan ke SPS melalui JKPSF pada masa yang ditetapkan setiap semester.
- viii. Memastikan prosedur keselamatan dipatuhi oleh pelajar semasa di makmal dan semasa melakukan kerja lapangan.
- ix. Mengadakan perjumpaan berkala.
- x. Mencalon nama pemeriksa dalam dan pemeriksa luar.
- xi. Memastikan pelajar maklum akan semua peraturan Universiti dan perkara berkaitan dengan pendaftaran.
- xii. Menyemak dan memastikan tesis telah mencapai tahap penganugerahan sebelum pelajar menyerahkan tesis kepada SPS untuk tujuan peperiksaan lisan.

Semasa peperiksaan lisan

- i. Dikehendaki hadir semasa peperiksaan lisan.
- ii. Memberi perhatian kepada keputusan peperiksaan terutamanya pembetulan yang diputuskan oleh panel pemeriksa.

Selepas peperiksaan lisan

- i. Memastikan pelajar faham dan akur dengan segala pembetulan yang telah diputuskan oleh panel pemeriksa.
- ii. Membimbing serta membantu pelajar bagi memperlengkapkan tesisnya untuk tujuan peperiksaan semula jika perlu.
- iii. Menyemak tesis pelajar sebelum diserahkan untuk pengesahan pembetulan oleh pemeriksa atau peperiksaan semula.